



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Majlis Pelancaran Jelajah Bijak W.A.N.G 2026 Bukti Komitmen Berterusan mySalam Demi Kesejahteraan Rakyat Malaysia

#BijakWangDemiHariEsok tingkatkan keyakinan pengurusan kewangan

Kuala Lumpur, 3 Januari 2026 – mySalam yang diuruskan sepenuhnya oleh Great Eastern Takaful Berhad (GETB) dengan kerjasama Financial Education Network (FEN) dan Malaysian Takaful Association (MTA) hari ini melancarkan Jelajah Bijak W.A.N.G 2026, sebuah inisiatif literasi kewangan berskala nasional yang akan berlangsung selama 12 bulan. Program ini bertujuan memperkasakan golongan belia serta menyantuni masyarakat B40 di seluruh Malaysia melalui pendekatan inklusif dan interaktif, selari dengan aspirasi untuk membina masyarakat yang lebih berdaya tahan dari segi kewangan.

Jelajah Bijak W.A.N.G ini berteraskan tiga komponen utama iaitu #BijakWang Varsity, pertandingan literasi kewangan antara universiti seluruh negara iaitu #BijakWang Karnival, program komuniti berserta taklimat bermanfaat, aktiviti interaktif dan edutainment kewangan serta #BijakWang TikTok LIVE, sesi siaran langsung bersama pakar, pengengaruh dan masyarakat bagi menyampaikan ilmu kewangan secara santai dan mudah difahami. Program ini dilaksanakan atas kerjasama strategik antara Great Eastern Takaful, FEN, Malaysian Takaful Association, FINCO dan PekaB40.

Menurut Ketua Skim mySalam di Great Eastern Takaful, En. Syuhaib Ithnin, “Bijak W.A.N.G membawa maksud memperkasakan literasi kewangan dan ia berteraskan empat prinsip utama iaitu Waspada, Atur, Nilai, dan Guna. Prinsip ini menggalakkan masyarakat untuk lebih berhati-hati dalam penggunaan perkhidmatan kewangan digital, memupuk budaya perancangan melalui bajet dan simpanan kecemasan, mengurus hutang secara bertanggungjawab, serta melindungi masa depan kewangan dengan perlindungan risiko seperti mySalam dan takaful untuk kesihatan, pendapatan dan keluarga. Menerusi pelancaran Jelajah Bijak W.A.N.G 2026 ini, ia mencerminkan komitmen berterusan kami untuk memperkasakan rakyat Malaysia yang lebih celik kewangan demi membina masa depan yang lebih terjamin.”

Majlis pelancarannya pada hari ini yang berlangsung di Dataran Seri Angkasa, Taman Bukit Angkasa telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Fahmi Fadzil, Ahli Parlimen Lembah Pantai merangkap Menteri Komunikasi diiringi oleh En. Shahrul Azlan Shahrman, Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, En. Syuhaib Ithnin, Ketua Skim mySalam, En. Hasri Hamidan, Ketua Pegawai Operasi Malaysian Takaful Association serta En. Abdullah Izhar bin Mohamed Yusof, Pengerusi MPP Zon Lembah Pantai merangkap Setiausaha Politik kepada YB Menteri Komunikasi.

Acara ini turut diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk pemberian 1,000 beg sekolah kepada para pelajar oleh mySalam, sumbangan baucar persekolahan bernilai RM100 daripada Pejabat Parlimen Lembah Pantai, pemeriksaan kesihatan percuma, serta aktiviti interaktif seperti Financial Squid Game yang menyampaikan mesej literasi kewangan secara menyeronokkan. Inisiatif ini bukan sahaja memberi manfaat asas tetapi juga mendidik masyarakat tentang perancangan kewangan, pengurusan risiko dan perlindungan tambahan melalui produk seperti mySalam dan takaful.

Jelajah Bijak W.A.N.G ini juga merupakan aktiviti susulan kejayaan Bijak Wang Challenge yang dianjurkan pada tahun 2025 dan selari dengan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2026–2030 (NS2.0) yang berhasrat menjadikan rakyat sebagai fokus utama, daripada perancangan persaraan, perlindungan isi rumah daripada kejutan kewangan, hinggalah membina keyakinan untuk menyimpan dan melabur demi masa depan. Program ini juga memberi kesedaran terhadap isu Buy Now Pay Later (BNPL) dan pinjaman peribadi yang menyumbang kepada peningkatan kes muflis dalam kalangan belia bawah 30 tahun.

Sejak diperkenalkan pada 2019, mySalam telah membantu lebih 1.83 juta ahli dengan jumlah tuntutan bernilai RM1.33 bilion setakat 30 November 2025 dan tarikh tutup permohonan tuntutan bagi kelayakan pada tahun 2025 adalah pada 30 Jun 2026.

-TAMAT-

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelestarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateasterntakaful.com. Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Great Eastern Takaful Berhad

Tel: +6016 - 209 234

E-mel: MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com